

**Kain rentang palsu, PAS buat laporan polis
Malaysiakini.com
November 29, 2010**

PAS Pulau Pinang membuat laporan polis di Kepala Batas berhubung penemuan beberapa kain rentang dan sepanduk yang mendakwa parti itu menentang pemberian RM100 oleh kerajaan negeri kepada warga emas kerana dikaitkan dengan sumber perjudian.

NONEPAS berang kerana sepanduk dan kain rentang yang dipasang di beberapa lokasi mempunyai simbol parti itu, logo kerajaan negeri serta gambar perlumbaan kuda dengan ayat-ayat yang tertera "Kami tak nak wang judi".

Laporan polis dibuat oleh ketua Pemuda PAS, Kepala Batas, Mohd Hafis Kasim yang diiringi oleh anggotanya dari Kepala Batas dan Tasik Gelugor. Mereka mendakwa kain rentang itu berunsur fitnah.

Mohd Hafis juga menafikan PAS bertanggungjawab memasang kain rentang itu dan berkata parti itu sebahagian daripada komponen Pakatan Rakyat di Pulau Pinang serta menyatakan sokongan mereka terhadap kerajaan pimpinan Ketua Menteri, Lim Guan Eng.

Katanya, beberapa pihak sejak kebelakangan ini mula gusar dan tidak senang dengan keupayaan kerajaan Pakatan Rakyat yang semakin menambat hati rakyat dengan dasar-dasarnya.

NONE" Ini menjadikan mereka cemburu dan mencetuskan pelbagai macam propaganda," katanya.

"Kita boleh kesan siapa mereka ini, kami yakin mereka berniat jahat, mereka sekarang seperti cacing kepanasan yang cuba dapatkan simpati daripada rakyat dan akan berbuat apa-apa sahaja bagi tujuan itu," katanya.

Mohd Hafis merujuk kepada beberapa serangan dan tohman yang dibuat ke atas Lim dan kerajaan negeri. Antaranya menggantikan nama ketua menteri dengan nama Agong semasa khutbah Jumaat serta gambar 'palsu' yang menunjukkan beliau menyembelih lembu untuk upacara korban.

lim guan eng slaughters cow 310810 lim guang eng nizar jamaluddin Isu wang haram timbul apabil Umno menuduh kerajaan Pulau Pinang memberi wah ehsan dalam bentuk RM100 kepada warga emas dan RM1,000 untuk belanja pengebumian adalah dari hasil yang dicurigai, termasuk kemungkinan ia datang dari kegiatan perjudian.

Pesuruhjaya PAS, Pulau Pinang, Rosli Hasan, yang juga hadir pada majlis itu berkata kumpulan yang bertanggungjawab memasang sepanduk itu adalah kumpulan yang 'degil dan ketandusan modal politik'.

Katanya, mereka mempunyai peluang berkhidmat dengan baik pada masa lalu tetapi gagal berbuat demikian kerana kepentingan peribadi.

NONE" Apabila kita ambil alih Pulau Pinang, kita buat perubahan yang baik, termasuk membangunkan negeri dan juga menjaga moral rakyat," katanya.

"Mereka ini tiada maruah, malah mereka sanggup menunjukkan punggung mereka, apa yang sudah terjadi dengan mereka?" soalnya.

Beliau merujuk kepada ketua pembangkang Pulau Pinang yang juga ADUN Penaga, Datuk Azhar Ibrahim yang digantung kerana menunjukkan punggungnya di DUN Pulau Pinang.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/149440>